

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengembalikan semula bantuan-bantuan penuh dalam sektor pendidikan kepada masyarakat Orang Asli seperti yang telah diberikan semasa zaman pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional iaitu biasiswa, bantuan pakaian seragam sekolah dan lain lagi bermula daripada peringkat pra-sekolah sehingga ke peringkat IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sangat komited dalam membantu masyarakat Orang Asli terutama dalam bidang pendidikan. Bantuan-bantuan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan melalui JAKOA masih diteruskan menerusi Skim Bantuan Galakkan Pendidikan dari peringkat rendah hingga pelajar peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Komitmen Kerajaan dalam menggalakkan anak-anak Orang Asli ke menara gading seperti bantuan Pendidikan (biasiswa) masih diteruskan setiap tahun dengan peruntukan dan jumlah penerima seperti berikut :

| Bil. | Tahun | Peruntukan (RM) | Penerima (Pelajar IPT) | |
|------|-------|-----------------------------|------------------------|--------------|
| | | | Pelajar Sediaada | Pelajar Baru |
| 1. | 2018 | 5,361,800.00 | 836 | 253 |
| 2. | 2019 | 5,021,300.00 | 1145 | 348 |
| 3. | 2020 | 2,559,416.75 (30/9/2020) | 1090 | 114 |

Bagi Bantuan pakaian seragam sekolah, Kementerian melalui JAKOA sedang dalam proses jawatankuasa pemutus tender tiga (3) tahun untuk bantuan pakaian seragam sekolah murid darjah satu (1) dan tingkatan satu (1) dengan anggaran peruntukan sebanyak RM1.5 juta setahun dan seramai 7,068 murid Orang Asli bakal menerima manfaat

Sekian, terima kasih.